



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE EXAMINATION
(AUGUST 2025)**

GENERAL PAPER

Monday, 4 August 2025

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) QUESTIONS.**
 - * ANSWER ALL THE QUESTIONS.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer the questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 2 questions printed on 12 pages)

1. Answer ALL parts of this question

On 15 April 2025, Mr. Samy came to you and said:

“I need your legal advice.

Mr. Tan Ah Kiat runs a trading business called TAK Trading at Jalan Silang in Kepong, Kuala Lumpur. TAK Trading buys and sells motor vehicle parts. TAK Trading has been in this business for the last 20 years and has many customers who are mainly running vehicle workshop businesses. I own a motor vehicle workshop named Samy Service & Repair Car Workshop. On 20 April 2023, I approached Mr. Tan at TAK Trading and said:

“Hello, Ah Kiat. I very much need your assistance. I have been asked by Spanx Sdn. Bhd. (Spanx) to make available a minimum of 1200 units of brake pads per month to Spanx. Spanx has been given a 20-year concession from 1 July 2023 by the Government of Malaysia to service and maintain government vehicles. Among the vehicles for Spanx to maintain will be the motor car Atom Z30.

I signed a contract with Spanx on 1 April 2023, agreeing that I would be able to meet their orders of up to 1,200 units a month of the brake pads for Atom Z30 cars for a period of 5 years.

In order to meet my contractual obligations, I had to provide Spanx with a written undertaking that during the 5-year contract period, I will always be ready to make available at least 1,200 units of brake pads for Atom Z30. This is in order for Spanx to be able to service and maintain up to 300 official government Atom Z30 cars monthly.

I had to immediately sign the contract with Spanx even before I approached you as Spanx did not want to wait. I am sure that the contract with Spanx would be profitable. As I have always depended on you for my spare parts

requirement, will you be able to make available to me at least 1,200 units of Atom Z30 brake pads a month?”

Mr. Tan informed me that it would not be a problem for TAK Trading to provide me with the requisite number of brake pads every month. We signed a simple document on the same day, 20 April 2023, stating as follows:

“I, Tan Ah Kiat, trading under the name and style of TAK Trading, hereby confirm that I am able to supply to Samy Service & Repair Car Workshop, 1,200 units of Atom Z30 brake pads a month for a period of 5 years from 1 July 2023. The unit price of the Atom Z30 brake pads shall be as follows:

For the 1st year, RM200.00 per unit;

For the 2nd year, RM250.00 per unit;

For the 3rd year, RM300.00 per unit;

For the 4th and 5th year, price to be negotiated.”

For the months of July to December 2023, I ordered from TAK Trading an average of 150 units of Atom Z30 brake pads a month. I was able to earn a profit of RM100.00 per unit for these brake pads. In December 2023, Mr. Tan informed me that considering the low orders, from January 2024, TAK Trading decided not to stock up too many units of the Atom Z30 brake pads. Storing too many units of the brake pads would have increased TAK Trading’s holding cost and caused space constraints in its warehouse. As a result, TAK Trading decided to only stock 200 units of the Atom Z30 brake pads.

On 15 February 2024, I received a huge order of 3,000 units of Atom Z30 brake pads from Spanx to be delivered to Spanx by 7 March 2024. I quickly sent to TAK Trading a purchase order for 3,000 units of Atom Z30 brake pads. I informed Mr. Tan Ah Kiat that I needed him to deliver the contractually agreed 1,200 units and an extra 1,800 units to make up for 3,000 units. This is because Spanx had decided to increase the orders of brake pads to be purchased from me. I also informed Mr. Tan Ah Kiat that not only had Spanx decided to order from me 3,000 units of

Atom Z30 brake pads for March 2024, but Spanx had also increased its orders for other spare parts for me to deliver to Spanx. As Spanx needed the brake pads urgently, I asked Mr. Tan Ah Kiat to deliver 1,200 units of brake pads by the end of February 2024, and the remaining 1,800 units by the first week of March 2024.

Naturally, TAK Trading was unable to fulfil my order. TAK Trading was only able to deliver the 200 units of Atom Z30 brake pads stocked in its warehouse and another 100 units by 7 March 2024. There was no further delivery by TAK Trading after that. I called Mr. Tan Ah Kiat up several times during this period, but because he knew I was angry with him, he avoided taking my calls.

I was desperately calling Mr. Tan Ah Kiat as I was under severe pressure from Spanx to deliver 3,000 units of Atom Z30 brake pads in March 2024. As TAK Trading was not able to fulfil its obligation to supply and deliver to me the required number of Atom Z30 brake pads, I could not fulfil my obligation to Spanx. Spanx had to obtain the supply of the brake pads elsewhere. Spanx then decided to terminate their contract with me in May 2024 because I had no explanation for my inability to meet the supply. As a result of the contract termination, I suffered tremendous losses.

Mr. Tan Ah Kiat may or may not know this - Spanx decided in June 2024 to blacklist my workshop and refused to purchase any more spare parts from me. Before the blacklist in June 2024, I had been supplying, on a regular basis, spare parts to Spanx worth RM2.5 million monthly. This was in addition to the brake pads for the Atom Z30 cars. The loss of the Spanx orders for the other spare parts caused me a loss of profits of about RM250,000.00 a month from July 2024.

The loss of the Spanx contract and the blacklist caused me other grave losses. I was unable to pay for my housing loan instalments from September 2024, and as a result, the bank that provided my housing loan obtained an order for the sale of my house. Also, I was unable to continue to pay tuition fees for my son to continue with his undergraduate studies at Monash University. He has lost his place in the university and has had to find a job to help meet my family's expenses.

The financial stress took a toll on me, and I suffered a heart attack in November 2024. I have not fully recovered from the heart attack, and the doctors have advised me to take a 6-month rest.

I intend to claim compensation against Mr. Tan Ah Kiat and TAK Trading.”

(a) **Advise Samy if he has a good cause of action for breach of contract against Mr. Tan Ah Kiat, trading under the name and style of TAK Trading.**

(5 marks)

(b) **Assuming Mr. Tan Ah Kiat’s liability is established, advise Samy on the possible remedies that he may seek against Mr. Tan Ah Kiat.**

(25 marks)

(c) **Settle a Statement of Claim for Samy.**

(20 marks)

2. **Answer ALL parts of this question**

Alan sought your advice on 10 October 2024 in respect of a road traffic accident which occurred on 27 December 2022.

Alan said to you, “I want you to act for me in respect of a motor vehicle accident which took place on 27 December 2022 which has left me seriously injured and my dear wife, Mina, to pass away.”

In reply to your questions, Alan instructed you as follows:

“We were on our way home after spending the Christmas week at our in-laws’ home in Seremban. I was so tired after all the partying and drinking that all I wanted was my own bed. We left after having my mother-in-law’s hearty

breakfast. I was driving and Mina was sitting beside me with her seat belt firmly fastened.

We exited the toll where I then took the slip road heading to Jalan Klang Lama. A while later, I stopped at the junction and, upon ensuring traffic clearance on the main road, I proceeded to exit the said junction. I could see my home just across the road on the right. I saw a red Porsche car approaching from the left, in the opposite direction, just before I exited but it was rather far. I knew I would have been able to turn right in time, hence I turned right. However, the next thing I heard was a loud horn followed by screeching tyres and a loud bang. My car had been rammed into by the red Porsche car.

I was in great pain, and I drifted in and out of consciousness. I could hear Mina screaming and crying for me to help her. I heard a voice that I could not recognize, and then I completely passed out.

When I woke up, I was warded in Kuala Lumpur General Hospital. I was informed that the love of my life had passed away. I was born on 1 May 1980, the eldest in a family of five (5) boys. When I was fifteen (15) years old, my father passed away, so I had to be the man of the house and find a job to put food on the table. I learnt to be a mechanic and as a result of my support and hard work, my four (4) younger brothers were able to stay in school and become successful doctors.

Before the accident, I earned RM10,000.00 a month as a mechanic. After the accident, I was unable to return to work for 18 months. My younger brothers helped me during this period. They took turns to keep me in their home. I was admitted to the said hospital for about two (2) weeks after the accident, where my brothers visited me daily.

Mina and I were married on 14 February 2019. She was a part-time cashier at the Lotus supermarket. She was earning a salary of RM2,500.00 per month and contributed RM1,000.00 a month to run our family household. I used the money

to pay for our car's hire purchase installment. The rest of her salary, she spent on herself.”

You have been forwarded the following documents:

- Appendix 1 : Police Report by Alan
- Appendix 2 : Police Report by Mr. Fast Furious
- Appendix 3 : Sketch Plan drawn by the Police Investigation Officer
- Appendix 4 : Medical Report of Dr. Vikesh
- Appendix 5 : Death Certificate of Mina

- (a) **Advise Alan on the cause of action which arises from the said accident. Your advice should also indicate any potential defences available to the person(s) identified as the prospective Defendant.**

(15 marks)

- (b) **Advise on the various items of damages claimable as a result of the accident, explaining carefully how such damages will be assessed by the Court.**

(15 marks)

- (c) **Settle a Statement of Claim to be filed against the tortfeasor liable for such damages.**

(20 marks)

APPENDIX 1POLICE REPORT

POLICE STATION : JALAN KLANG LAMA
DISTRICT : PETALING
CONTINGENT : KUALA LUMPUR
REPORT NO. : 58/23
DATE : 13.1.2023
TIME : 9.00 A.M.

DETAILS OF COMPLAINANT

NAME : ALAN YAP
GENDER : MALE
AGE : 42 YEARS OLD
RACE : CHINESE
OCCUPATION : MECHANIC

On 27.12.2022 at or about 10.00 a.m., I was driving my car bearing Registration No.: NAM 1212 with my wife, Mina, beside me. I was driving through a slip road heading to Jalan Klang Lama heading home. I drove for about 200 metres before I reached a 'T' junction. Upon ensuring that it was safe, I exited the said junction to turn right when suddenly a red Porsche car, driven at high speed, collided with my car. My wife died at the scene of the accident, whilst I lost consciousness. I regained consciousness in the Kuala Lumpur General Hospital afterwards. I suffered injuries to my right upper limb and hip and was hospitalised for 2 weeks.

This is my report.

Sgd.

.....

Alan

APPENDIX 2POLICE REPORT

POLICE STATION : JALAN KLANG LAMA
DISTRICT : PETALING
CONTINGENT : KUALA LUMPUR
REPORT NO. : 908/22
DATE : 28.12.2022
TIME : 2.00 P.M.

DETAILS OF COMPLAINANT

NAME : FAST FURIOUS
GENDER : MALE
AGE : 19 YEARS OLD
RACE : EURASIAN
OCCUPATION : STUDENT

On 27.12.2022 at or about 10.00 a.m., I was driving my new Porsche bearing Registration No.: WTF 888. The car was a gift from my father for obtaining straight A's in my A-Level examination, and I was trying to push the limit of speed. I was driving along Jalan Klang Lama. My path of travel was a straight road. I proceeded ahead at about 130km/h when suddenly a white Toyota car exited the right junction without looking left/right or stopping. Due to the close proximity and despite the fact that I braked very hard, a collision happened. The damage to my car was at the front and the windscreen shattered. I did not suffer any injuries except for some minor scratches on my hand.

This is my report.


Sgd

.....

Fast Furious

APPENDIX 3

**SKETCH PLAN
JALAN KLANG LAMA
POLICE REPORT 908/22 & 58/23
(Not to Scale)**



KEY

- A1 : Path of travel for motorcar WTF 888
- A2 : Path of travel for motorcar NAM 1212
- B1 & B2 : Brake Marks
- C : Debris and glass fragments
- D : Home of NAM 1212

APPENDIX 4

KUALA LUMPUR GENERAL HOSPITAL

Date: 15.2.2023

To Whom It May Concern.

Dear Sirs,

Re: Medical Report on Alan Yap

This 42-year-old male was admitted to this Hospital unconscious on 27.12.2022 at about 11.30 a.m. as a result of a motor vehicle accident at Jalan Klang Lama.

On examination, he was noted to be in a state of shock upon regaining consciousness.

X-rays were ordered as follows:

- (a) X-rays of the right upper limb show a closed fracture of the humerus and radius/ulna.
- (b) X-rays of the left lower limb show a closed fracture of the acetabulum.

An interlocking nail was used for the fracture of the humerus and radius/ulna. A Plaster of Paris (POP) cast was applied for a closed fracture of the acetabulum. There is a considerable risk that he will develop post-traumatic arthritis.

He was warded in the orthopaedic ward for two (2) weeks. Upon discharge, he was ambulating with the help of crutches. He will need to come in for regular follow-ups. It is unlikely that the patient can resume work in the near future and during the period of recuperation.

Thank you.

Sgd.

.....

Dr. Vikesh

Consultant Orthopaedic Surgeon

APPENDIX 5

DEATH CERTIFICATE

REGISTRATION AREA : KUALA LUMPUR
SUB-AREA : JALAN KLANG LAMA
NAME : MINA KHOO
NRIC : 801108-03-4566
GENDER : FEMALE
DATE OF DEATH : 27.12.2022
RACE : CHINESE
PLACE OF USUAL RESIDENCE : 110, JALAN PERMAI, TAMAN
SAYANG, KUALA LUMPUR
OCCUPATION : SUPERMARKET CASHIER
PLACE OF DEATH : JALAN KLANG LAMA
CAUSE OF DEATH : MASSIVE INTRA-ABDOMINAL
HAEMORRHAGE AS A RESULT
OF MOTOR VEHICLE ACCIDENT

Name and Qualification of
Person Notifying Cause of Death

Sgd.

.....
Dr. Mayra
Kuala Lumpur General Hospital

Date of Registration: 28.12.2022

Certified to be a true extract of the entry in the Death Register

Sgd.

.....
Aaron Aziz
Registrar of Birth and Death

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN
(OGOS 2025)**

KERTAS AM

Isnin, 4 Ogos 2025

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

***KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) SOALAN.**

***JAWAB SEMUA SOALAN.**

***BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**

***KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH
DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan yang dicetak pada 13 muka surat)

1. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Pada 15 April 2025, Encik Samy datang berjumpa anda dan berkata:

“Saya perlukan nasihat undang-undang anda.

Encik Tan Ah Kiat menjalankan perniagaan perdagangan yang dipanggil TAK Trading di Jalan Silang di Kepong, Kuala Lumpur. TAK Trading membeli dan menjual bahagian kenderaan bermotor. TAK Trading telah berkecimpung dalam perniagaan ini selama 20 tahun yang lalu dan mempunyai ramai pelanggan yang kebanyakannya menjalankan perniagaan bengkel kenderaan. Saya mempunyai sebuah bengkel kenderaan bermotor yang dinamakan Samy Service & Repair Car Workshop. Pada 20 April 2023, saya berjumpa dengan Encik Tan di TAK Trading dan berkata:

“Helo, Ah Kiat. Saya sangat memerlukan bantuan anda. Saya telah diminta oleh Spanx Sdn. Bhd. (Spanx) untuk menjadikan tersedia minimum 1200 unit pad brek setiap bulan kepada Spanx. Spanx telah diberikan konsesi selama 20 tahun mulai 1 Julai 2023 oleh Kerajaan Malaysia untuk menservis dan menyenggara kenderaan kerajaan. Antara kenderaan yang perlu disenggara oleh Spanx ialah motokar Atom Z30.

Saya telah menandatangani suatu kontrak dengan Spanx pada 1 April 2023, yang bersetuju bahawa saya boleh memenuhi tempahan mereka sehingga 1,200 unit sebulan bagi pad brek kereta Atom Z30 selama tempoh 5 tahun.

Untuk memenuhi obligasi kontrak saya, saya perlu memberikan suatu aku janji bertulis kepada Spanx bahawa sepanjang tempoh 5 tahun kontrak tersebut, saya akan sentiasa bersedia untuk menjadikan tersedia sekurang-kurangnya 1,200 unit pad brek bagi Atom Z30. Ini bertujuan supaya Spanx mampu untuk menservis dan menyenggara sehingga 300 buah kereta rasmi kerajaan, Atom Z30 setiap bulan.

Saya terpaksa dengan segera menandatangani kontrak dengan Spanx walaupun sebelum saya berjumpa anda kerana Spanx tidak mahu menunggu. Saya pasti bahawa kontrak dengan Spanx itu akan menguntungkan. Memandangkan saya sentiasa bergantung pada anda bagi keperluan barang ganti saya, adakah anda mampu untuk menjadikan tersedia kepada saya sekurang-kurangnya 1,200 unit pad brek Atom Z30 sebulan?”

Encik Tan memberitahu saya bahawa tidak menjadi masalah kepada TAK Trading untuk menyediakan bilangan pad brek yang diperlukan kepada saya setiap bulan. Kami telah menandatangani suatu dokumen ringkas pada hari yang sama, 20 April 2023, yang menyatakan seperti yang berikut:

“Saya, Tan Ah Kiat, yang menjalankan perdagangan di bawah nama TAK Trading, dengan ini mengesahkan bahawa saya mampu untuk membekalkan 1,200 unit pad brek Atom Z30 sebulan kepada Samy Service & Repair Car Workshop selama tempoh 5 tahun mulai 1 Julai 2023. Harga seunit pad brek Atom Z30 tersebut hendaklah seperti yang berikut:

Bagi tahun pertama, RM200.00 setiap unit;

Bagi tahun kedua, RM250.00 setiap unit;

Bagi tahun ketiga, RM300.00 setiap unit;

Bagi tahun keempat dan kelima, harga akan dirunding.”

Bagi bulan Julai hingga Disember 2023, saya telah menempah daripada TAK Trading purata sebanyak 150 unit pad brek Atom Z30 sebulan. Saya mampu memperoleh keuntungan sebanyak RM100.00 setiap unit bagi pad brek tersebut. Pada bulan Disember 2023, Encik Tan telah memberitahu saya bahawa mengambil kira tempahan yang rendah, dari Januari 2024, TAK Trading memutuskan untuk tidak menyimpan stok unit pad brek Atom Z30 terlalu banyak. Menyimpan terlalu banyak unit pad brek akan menambah kos penyimpanan kepada TAK Trading dan menyebabkan kekangan ruang di dalam gudang TAK

Trading. Akibatnya, TAK Trading telah memutuskan untuk menyimpan stok sebanyak 200 unit pad brek Atom Z30 sahaja.

Pada 15 Februari 2024, saya telah menerima suatu tempahan yang besar sebanyak 3,000 unit pad brek Atom Z30 daripada Spanx untuk dihantar serah kepada Spanx selewat-lewatnya pada 7 Mac 2024. Saya dengan segera menghantar suatu tempahan pembelian kepada TAK Trading bagi 3,000 unit pad brek Atom Z30. Saya memberitahu Encik Tan Ah Kiat bahawa saya memerlukan dia untuk menghantar serah 1,200 unit yang telah dipersetujui secara kontrak dan tambahan 1,800 unit untuk mencukupkan 3,000 unit. Ini kerana Spanx telah memutuskan untuk menambah tempahan pad brek untuk dibeli daripada saya. Saya juga telah memberitahu Encik Tan Ah Kiat bahawa Spanx bukan sahaja memutuskan untuk menempah daripada saya 3,000 unit pad brek Atom Z30 bagi bulan Mac 2024, tetapi Spanx juga telah menambah tempahannya bagi barang ganti lain untuk saya menghantarserahkannya kepada Spanx. Memandangkan Spanx memerlukan pad brek itu dengan segera, saya telah meminta Encik Tan Ah Kiat untuk menghantar serah 1,200 unit pad brek selewat-lewatnya pada hujung bulan Februari 2024, dan baki 1,800 unit selewat-lewatnya pada minggu pertama bulan Mac 2024.

Sudah tentu, TAK Trading tidak mampu untuk memenuhi tempahan saya. TAK Trading hanya mampu untuk menghantar serah 200 unit pad brek Atom Z30 yang disimpan di dalam gudangnya dan 100 unit yang lain pada 7 Mac 2024. Tiada penghantarserahan lanjut oleh TAK Trading dibuat selepas itu. Saya telah menghubungi Encik Tan Ah Kiat beberapa kali sepanjang tempoh ini, tetapi disebabkan dia tahu yang saya marah dengannya, dia mengelak untuk menerima panggilan saya itu.

Saya terdesak untuk menghubungi Encik Tan Ah Kiat kerana saya telah menerima tekanan yang kuat daripada Spanx untuk menghantar serah 3,000 unit pad brek Atom Z30 pada bulan Mac 2024. Memandangkan TAK Trading tidak mampu untuk memenuhi obligasinya untuk membekalkan dan menghantar serah bilangan pad brek Atom Z30 yang dikehendaki kepada saya, saya tidak mampu memenuhi

obligasi saya kepada Spanx. Spanx terpaksa mendapatkan bekalan pad brek itu daripada tempat lain. Spanx kemudiannya memutuskan untuk membatalkan kontrak mereka dengan saya pada Mei 2024 kerana saya tidak mempunyai penjelasan bagi ketidakmampuan saya untuk memenuhi bekalan itu. Akibat pembatalan kontrak itu, saya telah menanggung kerugian yang amat besar.

Encik Tan Ah Kiat mungkin tahu atau mungkin tidak tahu perkara ini - Spanx telah memutuskan pada bulan Jun 2024 untuk menyenaraihitamkan bengkel saya dan enggan membeli apa-apa barang ganti daripada saya lagi. Sebelum disenaraihitamkan pada bulan Jun 2024, saya telah membekalkan, secara tetap, barang ganti kepada Spanx bernilai RM2.5 juta setiap bulan. Ini adalah tambahan kepada pad brek bagi kereta Atom Z30. Kehilangan tempahan Spanx bagi barang ganti lain itu telah menyebabkan saya kehilangan keuntungan lebih kurang RM250,000.00 sebulan mulai bulan Julai 2024.

Kehilangan kontrak dengan Spanx dan senarai hitam itu telah menyebabkan saya menanggung kerugian besar yang lain. Saya tidak mampu untuk membayar ansuran pinjaman perumahan saya dari bulan September 2024, dan akibatnya, bank yang memberikan pinjaman perumahan saya telah mendapatkan suatu perintah bagi penjualan rumah saya. Juga, saya tidak mampu untuk terus membayar yuran pengajian anak lelaki saya untuk menyambung pengajian praijazahnya di Universiti Monash. Dia telah kehilangan tempat di universiti itu dan terpaksa mencari pekerjaan untuk membantu menampung perbelanjaan keluarga saya. Tekanan kewangan telah memberi kesan yang buruk kepada saya, dan saya telah mengalami serangan jantung pada bulan November 2024. Saya belum pulih sepenuhnya daripada serangan jantung itu, dan doktor telah menasihati saya untuk berehat selama 6 bulan.

Saya berniat untuk menuntut pampasan terhadap Encik Tan Ah Kiat dan TAK Trading.”

- (a) **Berikan nasihat kepada Samy jika dia mempunyai kausa tindakan yang bagus bagi kemungkiran kontrak terhadap Encik Tan Ah Kiat, yang menjalankan perdagangan di bawah nama TAK Trading.**

(5 markah)

- (b) **Seandainya liabiliti Encik Tan Ah Kiat dibuktikan, berikan nasihat kepada Samy mengenai remedi yang mungkin yang boleh dimohon olehnya terhadap Encik Tan Ah Kiat.**

(25 markah)

- (c) **Sediakan Pernyataan Tuntutan untuk Samy.**

(20 markah)

2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Alan meminta nasihat anda pada 10 Oktober 2024 berkenaan dengan kemalangan jalan raya yang berlaku pada 27 Disember 2022.

Alan berkata kepada anda, “Saya mahu anda untuk mewakili saya berkenaan dengan suatu kemalangan kenderaan bermotor yang berlaku pada 27 Disember 2022 yang telah menyebabkan saya mengalami kecederaan yang serius dan isteri kesayangan saya, Mina, meninggal dunia.”

Dalam menjawab soalan anda, Alan mengarahkan anda seperti yang berikut:

“Kami sedang dalam perjalanan pulang ke rumah selepas menghabiskan minggu Krismas di rumah mentua kami di Seremban. Saya sangat penat selepas berparti dan minum-minum dan apa yang saya mahukan hanyalah katil saya sendiri. Kami beredar selepas kami menikmati sarapan pagi yang mengenyangkan yang disediakan oleh ibu mentua saya. Saya memandu dan Mina duduk bersebelahan dengan saya dengan tali pinggang keledarnya yang dipasang dengan ketat.

Kami keluar dari tol di mana saya kemudiannya mengambil jalan susur keluar menuju ke Jalan Klang Lama. Tidak lama kemudian, saya berhenti di simpang dan, setelah memastikan lalu lintas tidak berhalangan di jalan utama, saya terus keluar dari simpang itu. Saya dapat melihat rumah saya betul-betul di seberang jalan di sebelah kanan. Saya ternampak sebuah kereta Porsche merah yang menghampiri dari sebelah kiri, dari arah bertentangan, betul-betul sebelum saya keluar tetapi ia agak jauh. Saya tahu saya boleh membelok ke kanan tepat pada masanya, oleh itu saya membelok ke kanan. Walau bagaimanapun, apa yang saya dengar selepas itu ialah bunyi hon yang kuat diikuti dengan bunyi tayar yang menciut dan dentuman yang kuat. Kereta saya telah dihentam oleh kereta Porsche merah itu.

Saya berasa sakit yang amat sangat, dan saya sesekali sedar dan sesekali tidak. Saya boleh mendengar Mina menjerit dan menangis meminta saya untuk menolongnya. Saya terdengar suatu suara yang saya tidak kenal, dan kemudiannya saya terus pengsan.

Apabila saya bangun, saya telah berada di wad di Hospital Besar Kuala Lumpur. Saya telah diberitahu bahawa cinta hati saya telah meninggal dunia. Saya telah dilahirkan pada 1 Mei 1980, yang merupakan anak sulung dalam keluarga seramai lima (5) orang adik beradik lelaki. Semasa saya berumur lima belas (15) tahun, bapa saya telah meninggal dunia, jadi saya terpaksa menjadi ketua keluarga dan mencari pekerjaan untuk menyara keluarga. Saya belajar untuk menjadi mekanik dan hasil dorongan dan usaha keras saya, empat (4) orang adik lelaki saya mampu bersekolah dan menjadi doktor yang berjaya.

Sebelum kemalangan itu, saya memperoleh pendapatan sebanyak RM10,000.00 sebulan sebagai mekanik. Selepas kemalangan itu, saya tidak mampu untuk kembali bekerja selama 18 bulan. Adik-adik lelaki saya telah membantu saya sepanjang tempoh ini. Mereka telah bergilir-gilir menjaga saya di rumah mereka. Saya telah dimasukkan ke hospital itu selama lebih kurang dua (2) minggu selepas

kemalangan, di mana adik-adik lelaki saya telah menziarahi saya setiap hari.

Saya dan Mina telah berkahwin pada 14 Februari 2019. Dia merupakan seorang juruwang separuh masa di pasar raya Lotus. Dia memperoleh gaji sebanyak RM2,500.00 setiap bulan dan menyumbang RM1,000.00 sebulan untuk menguruskan rumah tangga kami. Saya telah menggunakan wang itu untuk membayar ansuran sewa beli kereta kami. Baki gajinya, dia membelanjakannya untuk dirinya sendiri.”

Anda telah diberikan dokumen yang berikut:

- Lampiran 1 : Laporan Polis oleh Alan
- Lampiran 2 : Laporan Polis oleh Encik Fast Furious
- Lampiran 3 : Pelan Lakaran yang dilukis oleh Pegawai Penyiasat Polis
- Lampiran 4 : Laporan Perubatan oleh Dr. Vikesh
- Lampiran 5 : Sijil Kematian Mina

(a) Berikan nasihat kepada Alan mengenai kausa tindakan yang berbangkit daripada kemalangan itu. Nasihat anda juga sepatutnya menunjukkan apa-apa pembelaan yang mungkin yang tersedia kepada orang yang dikenal pasti sebagai bakal Defendan.

(15 markah)

(b) Berikan nasihat mengenai pelbagai butiran ganti rugi yang boleh dituntut akibat daripada kemalangan itu, yang menjelaskan dengan teliti bagaimana ganti rugi sedemikian akan ditaksirkan oleh Mahkamah.

(15 markah)

(c) Sediakan Pernyataan Tuntutan untuk difailkan terhadap pelaku tort yang bertanggung bagi ganti rugi itu.

(20 markah)

LAMPIRAN 1LAPORAN POLIS

BALAI POLIS : JALAN KLANG LAMA
DAERAH : PETALING
KONTINJEN : KUALA LUMPUR
NO. LAPORAN : 58/23
TARIKH : 13.1.2023
MASA : 9.00 PAGI

BUTIR-BUTIR PENGADU

NAMA : ALAN YAP
JANTINA : LELAKI
UMUR : 42 TAHUN
BANGSA : CINA
PEKERJAAN : MEKANIK

Pada 27.12.2022 pada atau lebih kurang pukul 10.00 pagi, saya sedang memandu kereta saya yang tertera No. Pendaftaran: NAM 1212 dengan isteri saya, Mina, di sebelah saya. Saya sedang memandu di jalan susur keluar yang menuju ke Jalan Klang Lama menuju ke rumah. Saya memandu lebih kurang 200 meter sebelum saya sampai di suatu simpang 'T'. Setelah memastikan bahawa ia selamat, saya keluar dari simpang itu untuk membelok ke kanan apabila tiba-tiba sebuah kereta Porsche merah, yang dipandu pada kelajuan yang tinggi, berlanggar dengan kereta saya. Isteri saya mati di tempat kemalangan, sementara saya pula tidak sedarkan diri. Selepas itu saya sedarkan diri di Hospital Besar Kuala Lumpur. Saya mengalami kecederaan pada anggota bahagian atas sebelah kanan dan pinggul dan telah ditahan di hospital selama 2 minggu.

Sekian laporan saya.

T.t.

.....

Alan

LAMPIRAN 2

LAPORAN POLIS

BALAI POLIS : JALAN KLANG LAMA
DAERAH : PETALING
KONTINJEN : KUALA LUMPUR
NO. LAPORAN : 908/22
TARIKH : 28.12.2022
MASA : 2.00 PETANG

BUTIR-BUTIR PENGADU

NAMA : FAST FURIOUS
JANTINA : LELAKI
UMUR : 19 TAHUN
BANGSA : SERANI
PEKERJAAN : PELAJAR

Pada 27.12.2022 pada atau lebih kurang pukul 10.00 pagi, saya sedang memandu Porsche baharu saya yang tertera dengan No. Pendaftaran: WTF 888. Kereta itu merupakan hadiah daripada ayah saya kerana mendapat semua A dalam peperiksaan A-Level saya, dan saya cuba memandu kereta itu seberapa laju yang boleh. Saya memandu di sepanjang Jalan Klang Lama. Laluan perjalanan saya ialah jalan lurus. Saya terus bergerak ke hadapan lebih kurang 130km sejam apabila tiba-tiba sebuah kereta Toyota putih keluar dari simpang kanan tanpa melihat kiri/kanan atau berhenti. Disebabkan jarak yang dekat dan walaupun hakikatnya saya telah menekan brek dengan kuat, perlanggaran telah berlaku. Kerosakan pada kereta saya adalah di bahagian hadapan dan cermin depan berkecai. Saya tidak mengalami apa-apa kecederaan kecuali sedikit calar pada tangan saya.

Sekian laporan saya.


T.t.

.....

Fast Furious

LAMPIRAN 3

PELAN LAKARAN
JALAN KLANG LAMA
LAPORAN POLIS 908/22 & 58/23
(Tidak mengikut Skala)



LAMPIRAN 4

HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

Tarikh: 15.2.2023

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan.

Tuan,

Per: Laporan Perubatan Alan Yap

Lelaki yang berumur 42 tahun ini telah dimasukkan ke Hospital ini dalam keadaan tidak sedarkan diri pada 27.12.2022 lebih kurang pada pukul 11.30 pagi akibat suatu kemalangan kenderaan bermotor di Jalan Klang Lama.

Berdasarkan pemeriksaan, dia diperhatikan berada dalam keadaan terkejut apabila dia kembali sedarkan diri.

X-ray yang diarahkan adalah seperti yang berikut:

- (a) X-ray anggota bahagian atas sebelah kanan menunjukkan patah tertutup pada humerus dan radius/ulna.
- (b) X-ray anggota bahagian bawah sebelah kiri menunjukkan patah tertutup pada asetabulum.

Suatu paku berpancang telah digunakan bagi patah humerus dan radius/ulna. Suatu kas Plaster Paris telah diletakkan pada patah tertutup bagi asetabulum. Terdapat risiko yang besar bahawa dia akan mendapat artritis pascatrauma.

Dia telah ditahan di wad ortopedik selama dua (2) minggu. Selepas discaj, dia berjalan dengan bantuan tongkat ketiak. Dia perlu datang ke hospital untuk rawatan susulan secara tetap. Tidak mungkin pesakit boleh kembali bekerja dalam masa terdekat dan semasa tempoh pemulihan.

Terima kasih.

T.t.

.....

Dr. Vikesh

Perunding Doktor Bedah Ortopedik

LAMPIRAN 5

SIJIL KEMATIAN

KAWASAN PENDAFTARAN : KUALA LUMPUR
SUBKAWASAN : JALAN KLANG LAMA
NAMA : MINA KHOO
NO. KAD PENGENALAN : 801108-03-4566
JANTINA : PEREMPUAN
TARIKH KEMATIAN : 27.12.2022
BANGSA : CINA
TEMPAT KEDIAMAN BIASA : 110, JALAN PERMAI, TAMAN
SAYANG, KUALA LUMPUR
PEKERJAAN : JURUWANG PASAR RAYA
TEMPAT KEMATIAN : JALAN KLANG LAMA
PUNCA KEMATIAN : PENDARAHAN INTRAABDOMEN
YANG BANYAK AKIBAT
KEMALANGAN KENDERAAN
BERMOTOR

Nama dan Kelayakan
Orang yang Memberitahu Punca Kematian

T.t.

.....
Dr. Mayra
Hospital Besar Kuala Lumpur

Tarikh Pendaftaran: 28.12.2022

Diperakui sebagai ekstrak yang benar daripada catatan dalam Daftar Kematian

T.t.

.....
Aaron Aziz
Pendaftar Kelahiran dan Kematian

oOOo